

# 600 hektar tanah pertanian dikenal pasti

SH 27-06-08 M/S 825

Petani yang layak akan diberi insentif lain memandangkan Dasar Ekonomi Selangor menyokong penuh aktiviti pertanian dengan menjalankan pertanian secara moden.

■ SITI AZIELAH WAHI

**ULU CHUCOH** - Kerajaan Selangor akan mengisytiharkan Sungai Belangan dan Ulu Chucoh sebagai kawasan pengeluaran kerepek dan aktiviti pertanian untuk dikembangkan ke pasaran antarabangsa.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Yaacob Sapari berkata, kerajaan negeri akan memperuntukkan kira-kira 600 hektar kawasan hutan di Sepang kepada petani yang akan dikenal



Yaacob (tengah) mendengar penerangan daripada pegawai Pejabat Pertanian Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Ulu Chucoh, Sepang.

pasti berpotensi dan layak melakukan pertanian kekal.

Menurutnya, kawasan Sungai Belangan dan Ulu Chucoh yang kini mempunyai tanah berkeluasan 400 hektar

bagi tanaman pengeluaran umbi, buah-buahan dan ternakan akan ditambah 1,000 hektar lagi untuk pertanian dan perladangan.

Katanya, ladang pertani-

an di kawasan tersebut yang mula diusahakan setahun lalu kini menunjukkan hasil membanggakan dan berpotensi dimajukan.

"Bagi menambah ke-

untungan, kita sarankan petani menyertai pasaran eksport, di mana hasil dan keuntungan yang bakal diperoleh adalah lebih berganda.

"Bagi menyertai pasaran eksport, sistem pengurusan perladangan akan dilakukan lebih tersusun dan terkini dengan memastikan keperluan dan kelengkapan pertanian moden dapat digunakan," katanya kepada **Sinar Harian** selepas melawat Pejabat Pertanian Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Ulu Chucoh, Sepang.

Selain itu, Yaacob berkata, amalan perladangan dan tanah perlu diperbetulkan dengan tanah yang ada akan diusahakan, bukan untuk dimiliki.

Katanya, beliau yakin peserta dapat meminimumkan kos dengan menghasilkan keuntungan tinggi dan pengeluaran pertanian lebih produktif.

"Jika aktiviti pertanian di-

lakukan secara produktif dan konsisten, pendapatan isi rumah bagi petani disasarkan mencapai lebih RM3,000 se-orang. Kita akan membantu dan memberi sokongan sepenuhnya kepada aktiviti pertanian yang menghasilkan manfaat bukan sahaja kepada petani, bahkan negeri," katanya.

Beliau berkata, petani yang akan diberikan lot tanah untuk mengusahakan TKPM melibatkan pelbagai golongan dan perlu mendapatkan sijil SALAM terlebih dahulu.

"Petani yang layak akan diberi insentif lain memandangkan Dasar Ekonomi Selangor menyokong penuh aktiviti pertanian dengan menjalankan pertanian secara moden.